

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan dan agensi Persekutuan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.
2. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Ia memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area) berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian dan jabatan Persekutuan. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.
3. Pada tahun 2021, pengauditan pematuhan kementerian dan jabatan Persekutuan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan empat jabatan Persekutuan seperti berikut:

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	KEMENTERIAN/JABATAN
1.	Kutipan Duti Kastam bagi Kenderaan Import di Pulau Bebas Cukai	Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan
2.	Terimaan dan Bayaran di Bawah Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
3.	Bayaran Perkhidmatan Mencetak dan Pengeposan Notis Saman Polis	Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri
4.	Bayaran Terhadap Perkhidmatan Mencetak Dokumen Terkawal	Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan
5.	Pembayaran Geran Dana Kandungan Digital	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
6.	Kutipan Sewa Kuarters Kerajaan di Putrajaya	Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
7.	Bayaran Projek Pembangunan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Kem Segamat, Johor	Kementerian Pertahanan

4. Jabatan Audit Negara masih mengekalkan nama kementerian dan jabatan yang asal memandangkan skop pengauditan meliputi tempoh Disember 2021 hingga Ogos 2022.

5. Laporan ini mengambil kira maklum balas auditi berkaitan dengan isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan Audit. Hasil pengauditan yang dilaksanakan, Ketua Audit Negara telah mengemukakan sebanyak 22 syor Audit untuk diambil tindakan oleh kementerian dan jabatan Persekutuan.

6. Pihak kementerian dan jabatan Persekutuan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat hendaklah memantau dan mengawal selia kementerian dan jabatan Persekutuan bagi menjaga wang atau harta awam dan kepentingan Kerajaan.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian serta jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

6 Januari 2023